



**LANCAR:** Dr. Kasim menyempurnakan pelancaran 'Kempen 1 Alumni 1 RM' sambil disaksikan Kamisan (dua kiri), Raman (kiri) dan Dekan FPL, Prof. Madya Dr Azwan Awang (kanan).

## Naib Canselor UMS pelawa alumni sumbang bakti kepada universiti

**UB 25.02.2023 P.02**

**SANDAKAN:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Kasim Haji Mansor memelawa seluruh alumni UMS menyumbang bakti kepada universiti itu dan menjadikan platform alma mater sebagai satu medan perkongsian kepada bakal alumni.

Katanya, setiap kemahiran, pengalaman dan perkongsian ilmu selepas bergraduasi amat bermanfaat untuk dikongsi bersama dengan para pelajar dan seluruh komuniti kampus.

"Bagi saya bukan nilai sumbangan kepada universiti yang menjadi ukuran, sebaliknya bagaimana bentuk sumbangan itu mampu membawa perubahan kepada pembangunan universiti dan juga kebaikan kepada masyarakat setempat.

"Saya amat berharap Alumni UMS tidak melupakan universiti yang tercinta dan seterusnya menyumbang kepada bakal alumni yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Sepetang Bersama Alumni Chapter Sandakan 2023, di Taman Tasik Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS, di sini, pada Khamis.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raman Noordin dan Pengarah Pusat Alumni, Dr. Kamisan Pusiran.

Mengenai program itu, Dr. Kasim berkata, kehadiran wakil alumni dari Chapter Sandakan amat bermakna kerana kumpulan-kumpulan itu merupakan antara duta kecil UMS yang kini menabur

bakti kepada masyarakat di seluruh pelosok daerah.

"Pada masa yang sama, mereka jugalah yang akan memperkenalkan kewujudan UMS sebagai sebuah universiti awam yang terbaik di Sabah.

"Untuk makluman, alumni UMS di Zon Sandakan kini telah mencecah 887 orang.

"Justeru, adalah menjadi harapan saya agar program seumpama ini akan berkesinambungan untuk menjejak dan membina hubungan baik dengan kesemua alumni UMS," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan "Kempen 1 Alumni 1 RM", sebuah inisiatif bagi menerbitkan rasa prihatin kepada UMS sebagai institusi ilmu yang terus menjadi suluh kehidupan.